

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
(SEKIJANG)

TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 21

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah terkini pekerja asing yang telah berdaftar di negara ini dan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing khususnya dalam sektor pekerjaan “3D” (*Dirty Dangerous and Difficult*).

PN-1412- L02957

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 31 Januari 2019, jumlah pekerja asing yang berdaftar dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) adalah seramai 2,018,240 orang.

2. Kerajaan sememangnya telah dan sedang mengambil langkah-langkah berkaitan untuk mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing. Hanya jawatan-jawatan yang tidak dapat diisi oleh pekerja tempatan dalam sektor-sektor yang diluluskan sahaja dibenarkan untuk menggaji pekerja asing. Ini termasuklah melihat semula jenis-jenis pekerjaan bersifat 3D (*Dirty, Dangerous and Difficult*) yang lazimnya tidak diminati oleh rakyat tempatan dan kaedah bagaimana jenis pekerjaan ini boleh ditambah baik. Peranan majikan dalam hal ini adalah sangat signifikan untuk menarik lebih ramai pekerja tempatan.